

Kerajaan Arab Saudi iktiraf Tabung Haji, jemaah berdisiplin

UTMCAJ MALAYSIA 10/7/2023 M/S:10

PUTRAJAYA: Kerajaan Arab Saudi mengakui dan mengiktiraf jemaah haji Malaysia adalah yang paling berdisiplin dan mempunyai sikap baik selain berilmu sepanjang musim haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na'im Mokhtar berkata, pengiktirafan itu terbukti apabila kerajaan Arab Saudi memberi Anugerah Labbaitom kepada Tabung Haji (TH) bagi Kategori Kepuasan Tertinggi Dalam Perkhidmatan Yang Disediakan Oleh Pejabat Urusan Haji.

Menurutnya, operasi jemaah

haji Malaysia tahun ini dengan kuota penuh 31,600 jemaah buat kali pertama dalam tempoh empat tahun, berjalan lancar biarpun berdepan beberapa keadaan cuaca panas.

"Antara cabaran terbesar musim haji kali ini ialah keadaan cuaca panas mencecah antara 38 hingga 48 darjah Celsius serta jumlah jemaah mencecah hampir dua juta orang mengerjakan haji," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyambut kepulangan 350 jemaah haji Malaysia di Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, malam semalam.

Kumpulan jemaah haji itu tiba pada pukul 9.55 malam menerusi penerbangan Saudia Airlines SV5610 yang berlepas dari Jeddah pukul 8 pagi (waktu Arab Saudi).

Dalam pada itu, Mohd. Na'im berkata, ketika ini, seramai 70 jemaah masih dirawat di Pusat Rawatan TH di Mekah dan Hospital Arab Saudi, manakala sembilan jemaah haji meninggal dunia di Tanah Suci setakat hari ini.

Menurutnya, pihak TH juga akan mengadakan mesyuarat penutupan dengan pelbagai ke-

menterian dan agensi penyedia perkhidmatan haji di Arab Saudi bagi menilai semula tahap perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan pada Musim Haji tahun ini.

"Antara isu yang akan dibincangkan termasuk masalah berkaitan kemudahan di Mina serta beberapa isu lain yang dibangkitkan jemaah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Azman Mokhtar, berkata, TH akan mengadakan penambahbaikan perkhidmatan bagi memastikan kecemerlangan perkhidmatannya.

Katanya, sebanyak 25 inisiatif berjaya dilaksanakan TH bagi musim haji tahun ini termasuk inisiatif program pendidikan kesihatan kepada jemaah haji melalui 'Ziarah Rahmah', Pusat Rawatan TH di Madinah dan perkhidmatan mesin ATM di penginapan jemaah haji Malaysia di Tanah Suci.

"Sebanyak 98 penerbangan menggunakan pesawat Saudia dan AMAL by Malaysia Airlines akan membawa pulang semua jemaah haji Malaysia dan petugas-petugas haji secara berperingkat," katanya.